



Vaccines: Friends Or Foes?

To vaccinate your child or not?
Clear your doubts before making your decision.

Vaksin: Sahabat Atau Seteru?

Ragu-ragu untuk imunisasi anak anda?
Dapatkan penjelasan sebelum membuat keputusan.

Vaccines are long recognised as a powerful weapon to protect the health and lives of children worldwide, including your child, giving them the chance to grow up free from illness and disability. Sadly, despite strong evidence that vaccines save lives, there are still skeptics who question the usefulness of vaccines. Misinformed parents may inadvertently deny vaccination to their children, putting them at risk of unnecessary illness and suffering.

Therefore, in this issue's feature, we address some parental concerns pertaining to vaccines, so that you can make better decisions to protect your child's health.

What Are Vaccines?

A vaccine is used to induce immunity to a particular disease without actually causing the illness. It usually contains a weakened or killed form of a disease-causing microbe (bacteria or virus) or parts of it. The vaccine stimulates the body's immune system to respond to the weakened microbe and produce antibodies to fight against it. Your immune system can remember this 'invasion', so that it quickly recognises and destroys the real infectious microbe when they appear later.

What Affects Vaccine Efficacy?

The efficacy of a vaccine can be influenced by a number of factors:

- Some vaccines are only effective against specific strains of virus of a disease.
- Whether one receives vaccines according to the recommended schedule.
- Some people do not respond to certain vaccines ('non-responders'); their body is unable to produce antibodies despite being vaccinated.
- Age (eg elderly people have less responsive immune system).



Vaksin telah sekian lama diiktiraf sebagai kaedah perubatan yang paling berkesan untuk melindungi kesihatan dan kehidupan kanak-kanak di seluruh dunia. Ia memberi mereka peluang untuk hidup tanpa penyakit dan kehilangan upaya fizikal dan akal. Malangnya, meskipun terdapat bukti kukuh yang menunjukkan bahawa vaksin menyelamatkan nyawa, masih terdapat ramai yang meraguinya dan mempersoalkan kebaikan vaksin. Ibu bapa yang kurang ilmu mungkin menafikan hak anak mereka untuk mendapatkan vaksin, dengan demikian meletakkan mereka dalam risiko terhadap penyakit dan penderitaan.

Justeru, dalam rencana keluaran ini, kami cuba menangani keraguan ibu bapa terhadap vaksin, supaya anda boleh membuat keputusan yang lebih baik untuk melindungi kesihatan anak-anak anda.

Apakah Vaksin?

Vaksin digunakan untuk merangsang imuniti kepada penyakit tertentu tanpa menyebabkan penyakit. Ia biasanya mengandungi satu bentuk kuman (bakteria atau virus) penyebab penyakit yang sudah dilemahkan atau dibunuh, atau sebahagian daripadanya. Vaksin merangsang sistem imun badan untuk bertindak balas terhadap kuman dan mengeluarkan antibodi untuk menentangnya. Sistem imun anda boleh mengingati 'serangan' ini. Jadi, ia segera mengenali dan menghapuskan kuman apabila berlaku sebarang jangkitan.

Apakah Yang Menjejaskan Keberkesaan Vaksin?

Keberkesaan vaksin boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor:

- Sesetengah vaksin hanya berkesan ke atas virus penyakit tertentu.
- Jika seseorang menerima vaksin tidak mengikut jadual yang disarankan.
- Sesetengah orang tiada tindak balas terhadap vaksin tertentu ('tiada respon'); badan mereka tidak berupaya menghasilkan antibodi walaupun sudah divaksin.
- Usia (sebagai contoh, sistem imun orang tua kurang responsif).



Vaccines Save Lives

Vaksin Selamatkan Nyawa

Thanks to vaccination programmes, many vaccine-preventable diseases that were once rampant and took away many lives, have been wiped out or significantly reduced worldwide, says **Consultant Paediatrician and Neonatologist Dato' Dr Musa Mohd Nordin**. Huge success can be seen with the vaccinations of smallpox, polio and measles.

Vaccination Is Cost-effective

Vaccination is a very cost-effective way to protect against deadly contagious diseases. The financial cost of treating a person infected with disease is far greater than that of vaccinations.

Even the newer, more expensive vaccines, such as the pneumococcal and rotavirus vaccines, have been shown to reduce hospitalisation admissions. This can translate to significant cost savings for the family.

"Considering the financial burden that parents avoided from treatment and hospitalisation if their child contracts a serious disease, the cost of vaccines including the more pricey combination ones is insignificant by comparison. Time parents saved from tending to a sick child can also be used more productively."

These health-preserving, life-saving, and burden-easing benefits more than enough to justify the use of vaccines in our children, Dato' Dr Musa concludes.

Dengan program imunisasi, banyak penyakit boleh dicegah atau dikurangkan dengan vaksin, yang dahulunya berleluasa dan meragut banyak nyawa, kata **Pakar Perunding Pediatrik dan Neonatologi Dato' Dr Musa Mohd Nordin**. Kejayaan besar boleh dilihat daripada kesan program imunisasi cacar, polio dan campak.

Imunisasi Jimatkan Kos

Imunisasi adalah cara yang sangat menjimatkan kos untuk melindungi daripada penyakit berjangkit yang boleh membawa maut. Kos merawat mangsa yang dijangkiti penyakit adalah jauh lebih besar daripada kos vaksin.

Malah, vaksin baru yang lebih mahal, seperti vaksin pneumokokus dan rotavirus, terbukti dapat mengurangkan kemasukan hospital. Ini boleh menjimatkan banyak kos untuk keluarga.

"Beban kewangan yang boleh dielakkan daripada rawatan dan kemasukan hospital sekiranya anak dijangkiti penyakit serius adalah amat besar jika dibandingkan dengan kos vaksin, termasuk vaksin gabungan yang lebih mahal. Masa yang terpaksa diluangkan oleh ibu bapa untuk menjaga anak yang sakit boleh digunakan untuk tujuan yang lebih produktif."

Manfaat yang diberikan oleh vaksin dalam memelihara kesihatan, menyelamatkan nyawa, dan mengurangkan bebanan ini adalah lebih daripada mencukupi untuk mewajarkan pemvaksinan anak-anak kita, jelas Dato' Dr Musa.



Dato' Dr Musa Mohd Nordin
Paediatrician and Neonatologist
Pakar Perunding Pediatric dan
Neonatologi

Smallpox disease threatened 60% of the world's population and killed one in every four victims. WHO launched a vaccination campaign in 1967 and smallpox was declared eradicated in 1979.

Polio cases have fallen by 99% since the launch of the Global Polio Eradication Initiative in 1988, from an estimated 350,000 cases to 1,997 cases in 2006.

Measles death dropped globally by 78% between 2000 and 2008, as a result of measles vaccination campaigns.

Penyakit cacar mengancam 60% daripada penduduk dunia dan membunuh seorang daripada setiap empat mangsa. WHO melancarkan kempen imunisasi pada tahun 1967 dan mengisyiharkan pembasmian cacar pada tahun 1979.

Kes polio berkurangan 99% sejak pelancaran Inisiatif Pembasmian Polio Global pada tahun 1988, daripada anggaran 350,000 kes kepada 1,997 kes pada tahun 2006.

Kematian akibat campak di seluruh dunia berkurangan 78% antara tahun 2000 dan 2008, hasil daripada kempen imunisasi campak.

Source / Sumber: WHO

Major Vaccines Breakthrough in History / Sejarah Penghasilan Vaksin Penting

- 1796: Edward Jenner performed the world's first 'vaccination' against smallpox by inoculating an 8-year-old boy with pus taken from a cowpox lesion.
- 1921: BCG vaccine (protect against tuberculosis) first used.
- 1924: Tetanus toxoid vaccine developed, and was widely used during World War II.
- 1955: Polio vaccine introduced as an injected dose of inactivated (dead) poliovirus.
- 1962: Oral polio vaccine (OPV) containing attenuated polio virus introduced.
- 1971: MMR (measles, mumps and rubella) vaccine introduced.
- 990: *Haemophilus influenzae* type b (Hib) conjugate vaccine introduced, to replace its less effective predecessor (a polysaccharide vaccine) withdrawn in 1988.
- 1796: Edward Jenner melakukan 'pemvaksinan' pertama di dunia untuk menentang cacar dengan memvaksin seorang budak lelaki berumur 8 tahun dengan cecair yang diambil daripada lepuh cacar lembu.
- 1921: Vaksin BCG (melindungi daripada batuk kering atau tibi) pertama kali digunakan.
- 1924: Vaksin toksoid tetanus dihasilkan, dan digunakan secara meluas semasa Perang Dunia II.
- 1955: Vaksin polio diperkenalkan sebagai dos suntikan vaksin virus polio tidak aktif (mati).
- 1962: Vaksin polio oral (OPV) mengandungi virus polio lemah diperkenalkan.
- 1971: Vaksin MMR (campak, beguk dan rubela) diperkenalkan.
- 1990: Vaksin berkonjugat *Haemophilus influenzae* jenis b (Hib) diperkenalkan, untuk menggantikan vaksin sebelumnya yang kurang berkesan (vaksin polisakarida).

The Malaysian Immunisation Schedule

Jadual Imunisasi Malaysia

The Malaysian Immunisation Schedule is a list of mandatory vaccinations scheduled under the National Immunisation Programme to provide childhood routine immunisations for up to ten diseases: tuberculosis, hepatitis B, diphtheria, pertussis (whooping cough), tetanus (lockjaw), polio, *Haemophilus influenzae* type b (Hib), measles, mumps and rubella (MMR).

Jadual imunisasi mandatori di bawah Program Imunisasi Kebangsaan memberikan imunisasi kepada sepuluh penyakit: iaitu tibi (batuk kering), hepatitis B, difteria, pertussis (batuk kokol), tetanus (kancing gigi), polio, *Haemophilus influenzae* jenis b (Hib), campak, beguk dan rubela (MMR).

Malaysian Immunisation Schedule / Jadual Imunisasi Malaysia

| Vaccines / Vaksin | Age in months / Usia (bulan) | | | | | | | | | | | | School level / Tahap Sekolah | | |
|------------------------------|------------------------------|---|---|---|---|---|-----|-----|----|----|-----|----|------------------------------|----------------|--------------------|
| | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 9 | 10 | 12 | 15 | 18 | Year / Tahun 1 | Year / Tahun 6 | Form / Tingkatan 3 |
| BCG (Tuberculosis / Tibi) | ✓ | | | | | | | | | | | | No scar / Tiada parut | | |
| Hepatitis B | ✓ | ✓ | | | | | ✓ | | | | | | | | |
| DTP+Hib | | | ✓ | ✓ | | ✓ | | | | | | | | | |
| DTP | | | | | | | | | B | | DT | | | T | |
| Polio | | ✓ | ✓ | | ✓ | | | | B | | B | | | | |
| Measles / Campak | | | | | | S | | | | | | | | | |
| MMR | | | | | | | | | | ✓ | | | B | | |
| JE | | | | | | | SWK | SWK | | | SWK | | | | |

No scar = BCG only to be given only to children without a BCG scar at year 1 in school

DTP = Diphtheria-tetanus-pertussis; DTP+Hib vaccines given in a single injection

DT = Diphtheria and tetanus; T = Tetanus toxoid

B = Booster dose; S = Sabah only

JE= Japanese Encephalitis; SWK = Sarawak only

Tiada parut = BCG hanya akan diberikan kepada kanak-kanak tanpa parut BCG pada tahun 1 di sekolah

DTP = Difteria-tetanus-pertussis; Vaksin DTP+Hib diberikan dalam satu suntikan

DT = Difteria dan tetanus; T = tetanus

B = Dos booster; S = Sabah sahaja

JE= Encefalitis Jepun; SWK = Sarawak sahaja

The vaccinations are available at all government and private hospitals and clinics. It is provided free in government hospitals and clinics, while the price may differ amongst private clinics. For instance, an MMR vaccine injection may cost between RM40 and RM60.

Combination vaccines (where about 3-6 types of vaccines are put into one injection, eg MMR vaccine) usually cost more, but are convenient, reducing the times of injection pain the child has to go through.

Optional vaccines are available for diseases not covered in the schedule, such as vaccines for chickenpox, pneumococcal disease, hepatitis A and rotavirus. The Japanese Encephalitis childhood vaccinations are recommended in Sarawak or those staying next to a pig farm.

While combination vaccines and optional vaccines cost more, parents who can afford may want to consider giving their children these vaccines to save them the unnecessary anxiety and hassle should their children get infected.

To ensure a child is fully protected against serious contagious disease, it is important to complete all vaccinations according to the immunisation schedule, including the booster doses. If a child misses any of his vaccinations, parents should bring him to the clinic to catch up on the missed shots.

Imunisasi boleh didapati di semua hospital dan klinik kerajaan dan swasta. Ia diberikan secara percuma di hospital dan klinik kerajaan, tetapi harganya mungkin berbeza di kalangan klinik swasta. Sebagai contoh, kos suntikan vaksin MMR adalah antara RM40 dan RM60.

Vaksin gabungan (di mana kira-kira 3-6 jenis vaksin dimasukkan ke dalam satu suntikan, seperti vaksin MMR) biasanya lebih mahal, tetapi menyenangkan dan mengurangkan bilangan kesakitan akibat suntikan yang terpaksa ditanggung oleh anak.

Vaksin opsyenal juga boleh didapati untuk penyakit yang tidak diliputi dalam jadual, seperti cacar air, penyakit pneumokokus, hepatitis A dan rotavirus. Vaksin Ensefalitis Jepun (JE) disarankan untuk kanak-kanak di Sarawak atau yang tinggal berhampiran ladang ternakan khinzir.

Walaupun vaksin gabungan dan vaksin pilihan lebih mahal, ibu bapa yang mampu mungkin mahu menimbangkan vaksin ini untuk anak mereka untuk menghindari kebimbangan dan kesusahan yang tidak perlu sekiranya anak mendapat jangkitan.

Untuk memastikan anak dilindungi sepenuhnya daripada penyakit berjangkit yang serius, adalah penting untuk mematuhi jadual imunisasi yang lengkap, termasuk dos booster. Jika anak terlepas mana-mana satu daripada vaksin dalam jadual, ibu bapa perlu membawa anak ke klinik untuk dapatkan imunisasi yang sepatutnya .



Why Should My Child Get Vaccinated?



Datuk Dr Zulkifli Ismail
Past President,
Malaysian Paediatric Association
& Chairman, Positive Parenting
Management Committee

Mantan Presiden, Persatuan Pediatrik
Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa
Pengurusan Positive Parenting

Vaccinations are effective for protecting against potentially deadly diseases. However, many parents remain sceptical about the effectiveness and safety of vaccines and the need for vaccination, says **Consultant Paediatrician Datuk Dr Zulkifli Ismail**. “Some misconceptions need to be clarified, so that parents won’t end up risking their child’s health based on faulty information.”

“My baby is too young to be vaccinated.”

Too young – that is exactly the reason to vaccinate your baby. It is imperative to immunise babies in their first few months of life as they are more vulnerable to life-threatening infectious diseases, such as pertussis and *Haemophilus influenzae* type b (Hib) meningitis, which are preventable through vaccination.

“Those diseases no longer exist in our country, my child won’t get them.”

Some diseases have become very rare or eradicated in the country, but they may remain prevalent in other parts of the world. With high international travelling rates these days, infectious diseases may unknowingly be brought into the country, or one may get infected while travelling abroad. One example is polio that was brought from Nigeria through Yemen and Saudi Arabia to Central Java, Madura Island and Sumatra in Indonesia in 2005. This outbreak claimed 305 cases and 6 deaths. Fortunately, we in Malaysia were spared despite the close proximity with Indonesia and ease of air travel. Without vaccinations, your child remains at risk of catching these vaccine preventable diseases.

“I don’t want my baby to get autism.”

Two studies, done by Dr Andrew Wakefield, claimed that the measles, mumps and rubella (MMR) vaccine causes autism. However, data from both studies are unsound, and other studies including worldwide surveillance have refuted their claims. Other research later found that autism actually sets in during early nervous system development in a foetus and has nothing to do with vaccinations.

“Vaccines make my baby sick.”

While vaccination may cause mild side effects (eg mild fever) or reaction at the injection site, they are mostly minor and temporary. Serious adverse events or deaths linked to vaccination are extremely rare. Without vaccines, your child may be exposed to even greater risk from the actual disease. For



instance, severe allergic reactions associated with MMR vaccine is 1 in 1 million, but pneumonia linked to measles is 1 in 20, and encephalitis (inflammation of the brain) due to mumps is 1 in 300.

“My child is healthy. He doesn’t need vaccinations.”

Even though your child is healthy, he is still at risk of infection. Vaccinations provide protection before disease strikes, and keep your healthy child healthy. It will be too late to immunise your child after he is infected.

“I don’t want to expose my baby to harmful things in the vaccines.”

All vaccines are rigorously tested for their effectiveness and safety. Some vaccines were recently found to harbour viral contaminants, but no health hazards related to the vaccines were reported despite the use of millions of doses to date. The protection provided by these vaccines still far outweighs the speculative risk posed by the contaminants.

If you have any concern about vaccines, the best person to talk to is your child’s paediatrician.

Mengapa Anak Saya Patut Diberi Vaksin?

Vaksinasi berkesan untuk melindungi daripada penyakit yang boleh membawa maut. Bagaimanapun, ramai ibu bapa ragu terhadap keberkesanan dan keselamatan vaksin, dan keperluan untuk vaksin anak mereka, kata **Pakar Perunding Pediatrik Datuk Dr Zulkifli Ismail**. "Salah tanggapan ini perlu dibetulkan, supaya ibu bapa tidak membahayakan kesihatan anak mereka disebabkan maklumat yang tidak betul."



"Bayi saya masih terlalu kecil untuk diberi vaksin"

Masih terlalu kecil itulah sebabnya bayi anda perlu diberi vaksin. Vaksin amat penting, lebih-lebih lagi dalam beberapa bulan pertama usia bayi anda kerana mereka lebih mudah mendapat penyakit berjangkit seperti pertussis dan meningitis *Haemophilus influenzae* jenis b (Hib), yang boleh dicegah dengan vaksinasi.

"Penyakit itu tiada lagi di negara kita, anak saya tidak akan dijangkiti."

Sesetengah penyakit sudah nadir atau sudah basmi di negara kita, tetapi masih tersebar luas di negara lain di dunia. Memandangkan semakin ramai warga Malaysia sekarang keluar negara untuk melancong atau bekerja, penyakit berjangkit boleh dibawa masuk ke negara kita tanpa disedari, atau mereka boleh dijangkiti semasa berada di luar negara. Satu contoh ialah penyakit polio yang menular dari Nigeria dan melalui Yemen dan Saudi Arabia, ke Java Tengah, Pulau Madura dan Sumatra di Indonesia pada 2005. Wabak ini telah mengakibatkan 305 kes dan 6 kematian. Mujurlah Malaysia tidak dijangkiti walaupun negara berjiran dengan Indonesia dan dengan kemudahan pengangkutan udara. Tanpa vaksin, anak anda masih berisiko terhadap penyakit yang boleh dicegah dengan vaksinasi.

"Saya tak mahu bayi saya dapat autisme."

Dua kajian yang dijalankan oleh Dr Andrew Wakefield, mendakwa bahawa vaksin campak, beguk dan rubela (MMR) menyebabkan autisme. Bagaimanapun, data daripada kajian itu tidak kukuh, dan kajian lain termasuk pantauan seluruh dunia menyangkal dakwaan tersebut. Hasil penyelidikan lain kemudian mendapatkan bahawa autisme sebenarnya bertapak pada awal perkembangan sistem saraf janin dan tidak berkaitan dengan vaksinasi.



"Vaksin membuat bayi saya sakit."

Sungguhpun vaksinasi boleh menyebabkan kesan sampingan yang ringan (seperti demam) atau tindak balas di tempat suntikan, kebanyakan kesan ini adalah sementara. Kesan sampingan yang serius atau kematian yang dikaitkan dengan pemvaksinan sangat jarang berlaku. Tanpa vaksin, anak anda boleh terdedah kepada risiko yang lebih tinggi daripada penyakit sebenar. Sebagai contoh, reaksi alahan teruk yang dikaitkan dengan vaksin MMR adalah 1 dalam 1 juta, tetapi pneumonia yang dikaitkan dengan campak adalah 1 dalam 20, dan ensefalitis (keradangan otak) disebabkan beguk adalah 1 dalam 300.

"Anak saya sihat. Dia tidak perlu vaksin."

Sungguhpun anak anda sihat, dia masih diancam risiko jangkitan. Vaksinasi memberi perlindungan sebelum penyakit menyerang, dan menjamin kesihatan bayi anda yang sihat. Adalah terlalu lewat untuk memberi vaksin kepada anak anda selepas dia dijangkiti penyakit.

"Saya tidak mahu mendedahkan bayi saya kepada benda berbahaya dalam vaksin."

Semua vaksin sudah diuji secara terperinci untuk memastikan keberkesanan dan keselamatannya. Ada vaksin baru ini didapati mengandungi virus pencemar, tetapi tiada bahaya vaksin kepada kesihatan dilaporkan walaupun selepas berjuta-juta dos telah diberikan. Perlindungan yang diberikan oleh vaksin ini masih jauh melebihi risiko yang dibawakan oleh pencemar.

Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang vaksin, sebaik-baiknya dapatkan penjelasan daripada pakar pediatrik anak anda.





What if You Do Not Vaccinate Your Child?

Apa Akan Berlaku Jika Anda Tidak Beri Anak Anda Vaksin?



Not vaccinating your child will put him at risk of highly contagious diseases and the undesirable health consequences that follow, says **Dato' Dr Musa Mohd Nordin**, adding that damaging consequences can also extend to people around the child as well as the community.

Your child can become very ill

Childhood infectious diseases, such as pertussis and measles, are potentially fatal. They are not easily treated; some can result in disability or permanent organ damage in the body, others can lead to death. Often, hospitalisations are required for treatment. Some treatments may be invasive, thus putting your child to even more pain and distress.

Your child can infect other people

If your child is infected, he becomes a threat capable of passing on the disease to unprotected individuals:

- Babies and other children who are yet to be fully immunised.
- People who are unable to receive immunisations for medical reasons, eg those with severe allergy to vaccine components, people with leukaemia, HIV/AIDS, or undergoing chemotherapy or radiation therapy.

Your child misses out on opportunities

If your child is ill, he has to be excluded from school or community activities to prevent transmitting the disease. He may lose out on valuable learning opportunities, while you, the parent, lose out on work and productivity as you have to stay back to care for him.

All the above can be avoided if your child gets his vaccination according to the recommended immunisation schedule.

Jika anda tidak memberi anak anda vaksin, ia berisiko tinggi untuk menghidap pelbagai penyakit berjangkit, kata **Dato' Dr Musa Mohd Nordin**. Malah, bukan dia sahaja yang akan ditimpa penyakit; tetapi boleh menjangkiti orang di sekelilingnya.

Anak anda boleh jatuh sakit

Penyakit yang mudah menjangkiti kanak-kanak, seperti batuk kokol dan campak, boleh membawa maut. Ia bukan sahaja sukar dirawat; malah sesetengahnya boleh mengakibatkan kehilangan upaya atau kerosakan organ dalam badan, manakala yang lain boleh membawa maut. Selalunya, mangsa perlu dimasukkan hospital untuk rawatan. Sesetengah rawatan pula melibatkan prosidur yang invasif, dan ini menyebabkan anak anda merasa lebih sakit dan menderita.

Anak anda boleh menjangkiti orang lain

Jika dijangkiti, anak anda akan menjadi ancaman kerana dia boleh menjangkiti orang lain yang tidak dilindungi, khususnya:

- Bayi dan kanak-kanak lain yang belum mendapat pengimunan sepenuhnya.
- Orang yang tidak boleh menerima pengimunan atas sebab perubatan, seperti mereka yang alah kepada komponen vaksin, pesakit leukaemia, HIV/AIDS, dan mereka yang menjalani rawatan kemoterapi dan radiasi.

Anak anda akan terlepas peluang

Jika sakit, anak anda tidak dapat ke sekolah atau menyertai aktiviti masyarakat untuk mengelakkan jangkitan penyakit kepada orang lain. Dia juga akan terlepas peluang untuk belajar, manakala produktiviti anda sendiri terjejas apabila anda tidak dapat bekerja kerana terpaksa menjaga anak anda yang sakit.

Semua ini boleh dielakkan jika anda memvaksin anak anda menurut jadual imunisasi yang disarankan.

You Decision Matters

Keputusan Anda Penting

Every child deserves the best protection, so that they can enjoy a healthy life, grow and learn well. Vaccination is the single most cost-effective tool to impart this benefit, as it can prevent many of the serious infectious diseases that permanently handicap and even kill children, says **Datuk Dr Zulkifli Ismail**.

"Parents may be inundated by claims going against childhood vaccination, but take heed that those arguments are weakly supported and lack substantial evidence. On the other hand, the advantages of vaccination have proven to far outweigh all the risks we might expose our children to, should we not vaccinate our children."

Therefore, parents have to take responsibility to find out the truth before listening to rumours and jumping to conclusions. With more and more new vaccines being introduced into the market today to provide a wider range of disease protection, there is an even more pressing need for parents to get educated.

"Vaccine information is widely available today, but always refer to reliable sources, such as the World Health Organization (WHO) or the Center for Disease Control & Prevention (CDC), for the latest updates on issues related to vaccines," advises Datuk Dr Zulkifli.

Parents' decision matters a lot. "The last thing you would want to do is to make decisions based on misleading information that may compromise your child's health and disrupt the wellness of your family, and even the community," concludes Datuk Dr Zulkifli.

Setiap kanak-kanak berhak mendapat perlindungan yang terbaik, supaya mereka boleh hidup sihat, dan membesar serta belajar dengan sempurna. Vaksinasi adalah satu-satunya cara paling menjimatkan kos untuk melindungi anak, kerana ia boleh mencegah banyak penyakit berjangkit yang serius dan boleh mengakibatkan kecacatan kekal, malah boleh meragut nyawa kanak-kanak, kata **Datuk Dr Zulkifli Ismail**.

"Ibu bapa mungkin terpengaruh dengan dakwaan yang memburukkan vaksinasi kanak-kanak. Tetapi dakwaan ini tidak disokong oleh bukti yang kukuh. Sebaliknya, manfaat vaksinasi setakat ini telah membuktikan bahawa ia jauh melebihi segala risiko yang mungkin kita dedahkan kepada anak kita, sekiranya kita tidak memberi vaksin kepada mereka."

Oleh itu, ibu bapa perlu bertanggungjawab untuk mencari dan mendapatkan maklumat yang betul sebelum mendengar khabar angin dan tergesa-gesa membuat kesimpulan. Memandangkan semakin banyak vaksin baru diperkenalkan ke dalam pasaran sekarang untuk memberi perlindungan yang lebih luas daripada penyakit, terdapat keperluan yang lebih mendesak untuk ibu bapa mendapatkan maklumat.

"Maklumat mengenai vaksin boleh didapati secara meluas sekarang, tetapi sentiasa rujuk kepada sumber yang boleh dipercayai, seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC), untuk mendapatkan maklumat terkemas kini mengenai isu yang berkaitan vaksin," kata Datuk Dr Zulkifli.

Keputusan ibu bapa sangat penting. "Anda tidak sepatutnya membuat keputusan berasaskan maklumat mengelirukan yang boleh membahayakan kesihatan anak anda dan mengganggu kesejahteraan keluarga anda, dan juga masyarakat," jelas Datuk Dr Zulkifli.

